

Surat khabar: Utusan Sarawak (Stail)

Hari/Tarikh: 18/6/2016

Muka surat: m7

# Pakar dari Jepun pilih Unimas



DR Oizumi Keichiro memberi ceramah kepada pelajar berdasarkan buku beliau yang pernah memenangi anugerah bertajuk *Aging in Asia*.

UNIMAS terpilih sebagai lokasi ketiga untuk jelajah syarahan Yayasan Jepun Kuala Lumpur yang dilakukan oleh pakar ekonomi, pensyarah dan penulis buku dari negara berkenaan, Dr Oizumi Keichiro, pada 12 Mei lepas.

Dr Oizumi Keichiro memberi ceramah kepada pelajar berdasarkan buku beliau yang pernah memenangi anugerah dengan tajuk *Aging in Asia* bertempat di auditorium Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA) Unimas.

Sebelum ke universiti ini, rombongan Yayasan Jepun Kuala Lumpur itu singgah dan mengadakan ceramah yang sama di Universiti Malaya (UM) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Dekan Fakulti Sains Sosial,

Profesor Madya Dr. Nelson Ilan Mersat dalam ucapan ringkasnya mengalu-alukan kehadiran rombongan dari yayasan berkenaan ke universiti ini.

Beliau berkata, Unimas sememangnya berharap agar lebih banyak program seumpama itu dijalankan sebagai usaha mempromosi universiti ini serta memberi pendedahan ilmu kepada para pelajar.

Katanya, ia juga sebagai satu cara untuk para akademik bekerjasama dan meningkatkan pengetahuan dan pengalaman masing-masing.

Sementara itu, Yayasan Jepun Kuala Lumpur yang di bawah Kementerian Luar Negara Jepun ditubuhkan pada 1989.

Sepanjang penubuhannya, pelbagai aktiviti dijalan-

kan terutama dalam mengeratkan interaksi antara Jepun dan Malaysia sama ada dalam bidang akademik, ekonomi dan sebagainya.

Tujuan aktiviti diadakan untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan mengenai cabaran dan isu semasa sekali gus mencari jalan penyelesaian bersama ke arah pencambahan idea baharu dan strategik.

Lecture "*Mega Trends in East Asia: Aging in Asia*" merupakan salah satu siri di bawah program Yayasan Jepun.

Setiap tahun Yayasan Jepun mengadakan beberapa *Touring Lecture* yang membawa pakar yang terkenal di Jepun untuk memberi ceramah di beberapa institusi pengajian tinggi di Malaysia.

Inilah julung kali Yayasan Jepun membuat lawatan ke Unimas dan juga kali pertama program *touring lecture* diadakan di Unimas.

Dr Oizumi Keiichiro merupakan pakar ekonomi kanan di Institut Penyelidikan Jepun dan pakar dalam kajian berkaitan impak demografi dan ekonomi Asia.

Jangkaan beliau mengenai perubahan demografi dalam lingkungan Asia dan pengaruh perubahan ini terhadap perkembangan atau penguatan ekonomi di Asia telah mendapat perhatian yang hangat dari kalangan pakar ekonomi di Jepun.

Dr Oizumi juga memuji semangat dan minat pensyarah dan pelajar yang bertanya banyak soalan.

Menurut beliau, pensyarah dan pelajar pelajar Unimas



DR Oizumi Keiichiro merupakan pakar ekonomi kanan di Institut Penyelidikan Jepun dan pakar dalam kajian berkaitan impak demografi dan ekonomi Asia.

memang mengambil berat tentang soalan dan impak perubahan demografi ke atas sosial dan ekonomi di rantau Asia.

Sementara itu, pada hari berikutnya, Dr Ozumi dan rombongan berkunjung ke Kampung Lebor di Serian untuk mengenali sedikit banyak kehidupan masyarakat tempatan di negeri ini.

Kampung Lebor merupakan antara kawasan tinggal masyarakat Iban yang paling awal di kawasan Serian.

Kampung yang mempunyai 174 isi keluarga ini dikenali juga sebagai masyarakat Iban Remun.

Terdapat 56 kampung masyarakat Iban Remun di Serian dan salah satunya adalah Kampung Lebor.

Dr Oizumi dapat bergaul dengan penduduk kampung mengenai kehidupan seharian, cara penanaman lada, ternakan ikan kolam dan sebagainya.

Antara tempat sejarah di

kampung tersebut yang telah dilawati seperti 'Buaya Tanah' yang berukuran kira-kira 6 meter ini dan merupakan simbol kedamaian di antara masyarakat kampung dengan Sultan Brunei, sebelum kedatangan Brooke.

Setiap tahun upacara keselamatan akan diadakan di 'Buaya Tanah' untuk memohon kerahmatan dan perlindungan penduduk kampung di sana.